SAMPEL PERCUMA

Kertas Trial STPM Semester 3 Pengajian Perniagaan Johor 2024

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Semester 3 · 10 subjek (2024)

Sampel ini: 4 muka surat. Set penuh ada:

- 2 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM24.90

BELI SET PENUH RM24.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

946/3
Pengajian
Perniagaan
Kertas 3

Pentaksiran
STPM
Tahun 2024

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA
PENGAJIAN PERNIAGAAN
KERTAS TIGA 2024

PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH MUAR

PENTAKSIRAN KURIKULUM STPM TAHUN 2024
SEMESTER TIGA

1 jam 45 minit

Arahan kepada calon:

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.

Jawab **SEMUA** *soalan dalam Bahagian A*

Jawab soalan **11** *dalam Bahagian B*

Jawab soalan **12** *atau* **13** *dalam Bahagian B. Anda boleh menjawab kedua-dua soalan,* **tetapi** *hanya* **satu** *jawapan pertama yang akan diperiksa*

Tulis jawapan pada helaian jawapan yang disediakan. Mulakan setiap jawapan pada halaman baharu helaian jawapan

---

Kertas soalan ini terdiri daripada 4 halaman bercetak

Bahagian A [50 *markah*]

Jawab **semua** *soalan.*

1 Huraikan perbezaan antara usahawan dengan pengurus dari aspek pembuatan keputusan dan matlamat. [4]

2 Huraikan **tiga** kaedah menjana dan mengembangkan idea. [6]

3 Huraikan **tiga** jenis kemudahan dan bantuan yang boleh diberikan kepada seseorang usahawan. [6]

4 Nyatakan **empat** elemen dalam rancangan perniagaan selain rancangan pemasaran. [4]

5 Jelaskan elemen pemasaran rancangan perniagaan bagi syarikat permainan kanak-kanak berdasarkan elemen di bawah:

(a) Produk [2]

(b) Sasaran pasaran [2]

(c) Persaingan [2]

6 Senaraikan **empat** strategi memasuki perniagaan antarabangsa. [4]

7 Jelaskan **dua** cabaran yang dihadapi oleh syarikat multinasional. [6]

8 Jelaskan kaedah penyelesaian perdagangan berikut:

*(a)*Perdagangan barter [2]

*(b)*Perbankan koresponden [2]

9 *(a)* Berikan maksud *rasuah*. [1]

(b) Nyatakan **dua** jenis kesalahan rasuah yang utama menurut Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan berikan hukuman terhadap kesalahan rasuah tersebut. [3]

10 Terangkan **dua** peranan FOMCA bagi melindungi hak pengguna di Malaysia. [6]

Bahagian B [50 *markah*]

Saiful Nang

11 Saiful Nang mendapat pendidikan awal di English College Johor Bahru dalam bidang sains tulen. Pada tahun 2000, beliau telah mendapat ijazah sarjana muda dalam bidang media di Universiti Multimedia dalam jurusan Perfileman. Beliau kemudian dianugerahkan gelaran Sarjana oleh organisasi profesional dalam fotografi yang berpusat di Birmingham, England (MPA) setelah berjaya mengagumkan penilai di sebuah pameran yang bertempat di Singapura pada tahun 2009.

Saiful Nang merupakan pengasas Candidsyndrome, seorang jurugambar yang terkenal setelah mencetuskan fenomena dalam industri fotografi di Malaysia. Beliau aktif dalam aktiviti-aktiviti yang menaikkan status seni fotografi di Malaysia. Atas tiket fotografi dan pembikinan filem, Saiful Nang sudah menjejalah ke seluruh dunia dan Candidsyndrome mempunyai senarai pelanggan dari Australia, Jepun, Brunei, UK, USA dan juga Eropah. Kini, jenama Candidsyndrome telah melahirkan Candidsyndrome Brunei, Jakarta & Stockholm.

Selain itu, Saiful Nang Academy Sdn Bhd telah bertapak sejak tahun 2007, sebagai unit latihan di bawah sebuah syarikat media kreatif yang berjaya iaitu Colours of Asia Sdn Bhd. Akademi ini menawarkan latihan dan kursus pendek dalam bidang fotografi, videografi, perniagaan, pemasaran media sosial untuk pelbagai agensi swasta, persendirian dan juga badan kerajaan. Selain dari bengkel bersama jabatan kerajaan, Saiful Nang Academy juga aktif menjalankan kursus mingguan, online dan sehingga kini telah mencecah 700 kelas.

Saiful Nang memulakan visi beliau untuk membuka sebuah institusi pendidikan yang telah ditubuhkan pada tahun 2010, bernama Saiful Nang Academy. Pada tahun 2013, Saiful Nang Academy telah diakreditasi oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) sebagai salah satu "Pusat Bertauliah" dan merupakan akademi pertama menawarkan Sijil Kemahiran Malaysia aras 3 di dalam bidang Fotografi ketika itu.

Saiful Nang sendiri adalah seorang artis dan merupakan CEO Colours of Asia Sdn Bhd. Beliau merupakan majikan kepada lebih 30 orang pekerja di seluruh dunia, memang tidak mudah kerana pada masa yang sama beliau juga merupakan salah seorang pengasas Rumah Pengasih Warga Prihatin (RPWP) iaitu rumah perlindungan untuk asnaf, warga tua, orang kelainan upaya dan juga anak-anak yatim. Kerana itu, beliau turut tersenarai sebagai salah seorang personaliti "*TOP 10 OF MALAYSIA YOUNG & SUCCESSFUL* " pada tahun 2011. Atas sifat dermawan, beliau telah merekrut staf dari RPWP sebagai pekerja. Dengan latihan yang diberikan, pekerja syarikat berjaya memberikan kualiti kerja yang baik dalam kalangan asnaf dan bekas penagih dadah bersama pekerja yang sedia ada.

Beliau juga telah terpilih sebagai pemenang bagi anugerah belia berprestij di Asia iaitu "*Asian Youth Ambassador Award 2010*". Selain itu beliau juga telah merangkul banyak anugerah fotografi dan perfileman. Saiful Nang juga telah dilantik menjadi ahli

pengarah PADU Care, (*Fund for Medical Healing Support*) bersama Tan Sri Dato Ani Arope, Datuk Roslani Abd Majid dan Tan Sri Mustafa Mansor, menjadikan beliau individu termuda dilantik memegang jawatan tertinggi dalam organisasi ini.

Berdasarkan sumbangan beliau dalam dunia seni visual, beliau telah dilantik sebagai salah seorang ahli panel bagi Projek K-Perak dan juga panel penilai untuk *National Photography Skill Curriculum* anjuran Jabatan Pembangunan Kemahiran (sebelum ini dikenali sebagai MLVK). Dengan kepimpinan Saiful Nang di dalam syarikat dan pengalaman yang luas di dalam industri, syarikat yakin setiap pelanggan mereka berpuas hati dengan perkhidmatan yang telah diberikan kerana kerja yang dilakukan seikhlas hati pasti akan menyentuh hati orang lain.

Berdasarkan kes Saiful Nang,

(a) terangkan sifat-sifat peribadi usahawan berjaya yang ada pada Saiful Nang. [20]

(b) jelaskan pihak berkepentingan yang telibat dalam pelaksanaan tanggungjawab sosial Saiful Nang. [10]

Jawab **satu** *soalan sahaja.*

12 Terangkan kegunaan rancangan perniagaan kepada **lima** pihak berkepentingan. [20]

13 Jelaskan **lima** hak pengguna. [20]

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Semester 3 · 10 subjek (2024)

Sampel ini: 4 muka surat. Set penuh ada:

- 2 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM24.90

BELI SET PENUH RM24.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar